

Anggota UMNO tidak mudah diperbodohkan — Abdullah 'Jangan Habibiekan saya'

UM - 1 MAR 2000

KUALA LUMPUR 29 Feb. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tidak timbul 'sindrom Habibie' pada dirinya hasil hubungan rapat beliau dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau menyokong Dr. Mahathir kerana kepimpinannya untuk negara, bangsa Melayu serta rakyat Malaysia.

"Kita ikut pemimpin bukan membuta tuli. Mesti ada asas dan sebab. Saya juga biasa berbalah dengan beliau (Dr Mahathir)," katanya ketika diminta mengulas cakap-cakap di kalangan anggota UMNO bahawa wujud 'sindrom Habibie' pada dirinya.

B.J. Habibie adalah anak didik bekas Presiden Suharto dan pernah dituduh terlalu mengikut telunjuk Suharto.

Bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan kewangan kepada anak-anak yatim Wilayah Persekutuan, Abdullah berkata:

Dugaan

"Kalau nak bandingkan saya dengan Habibie...adakah Dr. Mahathir itu hendak dikatakan sebagai Suharto?"

"Dr. Mahathir bukan Pak Harto. Malaysia bukan Indonesia. Kita berjaya atas kemampuan kita walaupun kita menghadapi bermacam-macam masalah dan dugaan."

Abdullah berkata, beliau adalah seorang timbalan dan bukan pemimpin alternatif, dan selain menjalankan tanggungjawabnya, beliau tidak perlu menyaingi Dr Mahathir.

Abdullah berkata beliau yakin anggota UMNO tidak akan mudah diperbodohkan dengan cakap-cakap seperti itu kerana mereka tahu apa yang berlaku di dalam dan luar negara.

Mengenai bahagian UMNO yang akan menjalankan mesyuarat perwakilan masing-masing mulai esok, beliau menasihatkan semua anggota supaya mengikut peraturan dan perlembagaan parti bagi mengelak sebarang kejadian yang boleh memalukan UMNO. — Bernama